

# Maslinda pelajar kaum Semai pertama di UMP

**K**UANTAN: Maslinda Samad menjadi anak Orang Asli kaum Semai pertama di Pahang berjaya memasuki universiti apabila mendaftarkan diri di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di Gambang, kelmarin.

Beliau yang juga bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands ini akan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek dengan Kepujian di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi.

Maslinda berkata, kejayaannya melanjutkan pengajian ke universiti membuktikan anak Orang Asli juga mampu menyaingi kaum lain dalam mengejar pengetahuan, asal-

**“***Saya bangga dan tidak pernah malu menjadi anak Orang Asli yang masyarakatnya kerap dikaitkan dengan kemiskinan dan keciciran persekolahan tetapi keadaan itu boleh diubah menerusi pendidikan”*

**Maslinda Samad**  
Pelajar UMP

kan mereka rajin berusaha.

“Saya bangga dan tidak pernah malu menjadi anak Orang Asli yang masyarakatnya kerap dikaitkan dengan kemiskinan dan keciciran persekolahan tetapi keadaan itu boleh diubah menerusi pendidikan.

“Sebab itu, saya belajar bersungguh-sungguh kerana hanya melalui ilmu pengetahuan saja, masalah kemunduran kaum saya dapat diatasi.

“Saya berharap lebih ramai anak Orang Asli diterima memasuki universiti selepas ini dan sekarang, saya berusaha menyesuaikan diri dengan suasana di kampus ini,” katanya di sini, semalam.

Bapa Maslinda, Samad Padang yang tinggal di Kampung Pedalaman Pos Telanok ketika menemani anaknya mendaftar di UMP berkata, kejayaan anak keduanya itu diharap mampu mengubah kehidupan keluarga mereka kelak.

“Lebih membanggakan apabila Maslinda adalah antara 270 pelajar sulung kursus baru yang ditawarkan di UMP,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Datuk Prof Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata seramai 2,030 penuntut baru mendaftarkan diri di UMP tahun ini berbanding 1,310 orang pada tahun lalu.

“Peningkatan jumlah pendaftaran pelajar kali ini membuktikan UMP semakin diterima pelajar lepasan sekolah atau mereka yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi,” katanya.